

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
 Tarikh: 16/11/2011
 Hari: Rabu M/S: 13
 Ruangan: RENCANA

5-repo

UM/AA6/UM/16.11.2011/P:13 (1-5)

> PERSPEKTIF

ETP, Perkongsian Trans-Pasifik dan ekonomi bumiputera

Oleh ROHAMI SHAFIE

HUJUNG bulan ini Perhimpunan Agung UMNO 2011 bakal diadakan sekali lagi. Perhimpunan ini menarik perhatian seluruh rakyat yang dikatakan sebagai Perhimpunan Agung UMNO yang terakhir sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Antara agenda utama yang bakal dikedengahkan sudah tentunya usul ekonomi bumiputera. Usul ini amat penting untuk diperdebatkan kerana suasana ketidakstabilan ekonomi dunia yang berdepan risiko kejatuhan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Christine Lagarde, minggu lalu.

Malaysia sebenarnya tidak terkecuali menerima tempas krisis hutang Amerika Syarikat (AS) dan Eropah. Tidak diketahui secara tepat kesan kejatuhan ekonomi dunia terhadap Malaysia, namun tidak mustahil ia lebih teruk lagi berbanding krisis subprima 2007/2008.

Jika sekiranya ekonomi dunia mengalami kejatuhan teruk, Malaysia tidak boleh sekadar mengambil tindakan tunggu dan lihat. Impaknya juga akan terkena ke atas ekonomi orang Melayu dan bumiputera.

Apakah strategi-strategi yang bakal di-

gunakan bagi meminimumkan kesan negatif terhadap orang Melayu dan bumiputera? Justeru, krisis kewangan Asia 1997/98 patut dijadikan iktibar. Ketika itu, ramai usahawan-usahawan Melayu yang gulung tikar.

Sebilangan kecil sahaja yang berjaya bangun semula seperti Tan Sri Halim Saad. Kini beliau meluaskan perniagaan pertanian sehingga ke luar negara, satu perniagaan yang mana tidak ramai orang Melayu sanggup menanggung risiko. Ramaikan usahawan cikal berbangsa Melayu sebagaimana beliau. Lebih ramai usahawan seperti beliau, lebih kukuh ekonomi Melayu dan bumiputera.

Usahawan Melayu tidak boleh lagi bersikap untung atas angin mahupun mengalibabkan lesen-lesen perniagaan. Yang kaya bukannya orang Melayu tetapi bangsa lain yang pandai mengambil peluang dan risiko.

Apabila bercakap tentang ekonomi, dua Perdana Menteri Eropah terpaksa mengakui kehebatan krisis ekonomi yang menyebabkan mereka terpaksa memikirkan semula kedudukan masing-masing.

Pertama, Perdana Menteri Itali, Silvio Berlusconi yang berundur selepas dua dekad menerajui negara tersebut. Begitu juga, Perdana Menteri Greece, Papandreou berseutu berkongsi kuasa dengan ketua pem-

bangkang, Antonis Samaras.

Justeru, penangan krisis ekonomi tidak boleh dipandang mudah terutamanya kesan kepada ekonomi orang Melayu dan bumiputera. Apakah perkara ini akan diperdebatkan secara terbuka semasa Perhimpunan Agung UMNO 2011 nanti? Lebih-lebih lagi selepas setahun kerajaan melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP), sejauh manakah orang Melayu dan bumiputera memperoleh manfaatnya? Sejauh mana pula tindakan Ekuinas dan Teraju membantu ekonomi bumiputera?

Adakah usahawan-usahawan Melayu bersedia menghadapi krisis kewangan sekali lagi yang mana kali ini dasar ekonomi terbuka yang dilaungkan oleh barat semakin diperluaskan di seluruh dunia?

Dasar liberalisasi yang diperkenalkan sememangnya serba sedikit merisaukan orang Melayu kerana ia boleh memberi implikasi negatif ke atas ekonomi mereka jika tidak diurus dengan baik. Dasar keterbukaan mengikut pasaran bebas membolehkan syarikat-syarikat gergasi seluruh dunia bermaharajalela di bumi Malaysia tanpa ada sekatan.

Mereka di negara-negara Barat cukup bijak. Selepas ekonomi mereka terjejas teruk dengan implikasi hutang yang tinggi, mereka cuba "menekan" ekonomi-ekonomi lain.

Caranya adalah dengan agenda globalisasi, kononnya ekonomi dunia akan lebih makmur apabila sesiapa sahaja yang ingin melabur dan membeli syarikat-syarikat negara asing, jangan sesekali disekat.

Mereka menjual agenda bahawa sekatan akan membantutkan lagi agenda pemulihan dan kemakmuran ekonomi dunia. Walhal, apa yang disaksikan segala kemusnahan ekonomi dunia yang sedang melanda pada masa sekarang disebabkan oleh tangan-tangan mereka sendiri.

Mereka bijak mengalih isu utama ekonomi dunia iaitu kelemahan kewangan dunia buatan barat. Sebagai negara membangun menuju ke arah negara maju dalam tempoh tidak sampai 9 tahun lagi, Malaysia tidak boleh terperangkap dengan agenda mereka.

Wawasan negara globalisasi dan liberalisasi, mereka menarik minat negara-negara lain dengan strategi Perkongsian TransPasifik (TPP) iaitu perdagangan bebas di rantau Pasifik. Dahulu, mereka berminat dengan perjanjian dua negara sahaja tetapi kini perjanjian satu negara dengan banyak

negara menjadi tumpuan mereka kerana lebih menguntungkan mereka.

TPP antara strategik licik yang mungkin boleh memberi kesan buruk ke atas ekonomi bumiputera. Seperti biasa atas slogan pasaran bebas, mereka akan mengenakan tekanan agar kita tidak meneruskan dasar perlindungan terutamanya ke atas kaum bumiputera.

Alasan yang sering mereka berikan adalah dasar perlindungan tidak membantu menjana ekonomi dunia sedangkan produk dan perkhidmatan seharusnya bergerak dari satu negara ke negara lain tanpa adanya sebarang halangan.

Tetapi semua mengetahui, mereka sendiri tidak sanggup melonggarkan seratus peratus dasar perlindungan ke atas syarikat-syarikat dan rakyat mereka sendiri.

Maka itu janganlah sesekali mudah untuk "melepaskan" isu ekonomi bumiputera tanpa melihat kepentingannya ke atas ekonomi negara. Membelakangkan kepentingan ekonomi bumiputera bukan sahaja merugikan kaum tersebut tetapi juga ekonomi negara secara keseluruhannya.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia